REVERTEX (MALAYSIA) SDN BHD A

lwn.

DEACONS

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, MUAR B
AHMAD NASFY YASIN PK
[RAYUAN SIVIL NO: 11(A)-31-2010]
15 FEBRUARI 2012

PROSEDUR SIVIL: *Penghakiman dan perintah - Penghakiman ingkar - Permohonan untuk pengetepian atas alasan ketidakhadiran tidak disengajakan - Sama ada Majistret functus officio - Sama ada defendan mempunyai pembelaan bermerit* C

Plaintif memperoleh penghakiman ingkar terhadap defendan daripada Mahkamah di Hong Kong dan memulakan guaman di Mahkamah Majistret Kluang untuk menguatkuasakan penghakiman tersebut kerana alamat perniagaan defendan adalah di Kluang. Atas ketidakhadiran defendan pada tarikh perbicaraan yang ditetapkan, suatu penghakiman ingkar dimasukkan terhadap defendan di Mahkamah Majistret Kluang. Defendan kemudian memohon untuk mengetepikan penghakiman ingkar tersebut atas alasan bahawa defendan tidak diberitahu mengenai tarikh tersebut dan oleh itu ketidakhadiran defendan tidak disengajakan. Antara isu yang berbangkit adalah sama ada Majistret '*functus officio*' apabila menolak permohonan plaintif untuk penghakiman terus di bawah A. 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan sama ada defendan berjaya menunjukkan pembelaan *prima facie* bermerit. D E F

Diputuskan (menolak rayuan defendan dengan kos): G

(1) *"Functus officio"* tidak terpakai di dalam kes ini kerana ia belum didengar oleh mana-mana Majistret secara lengkap atau muktamad dan tiada keputusan akhir yang diberikan oleh mahkamah. Majistret tidak terikat di bawah prinsip *res judicata* dari mendengar dan menghakimi permohonan mengetepikan penghakiman ingkar atas alasan prosiding permohonan penghakiman terus bukanlah membawa kepada suatu penghakiman muktamad. (perenggan 11) H

(2) Prinsip undang-undang yang mantap adalah bahawa penghakiman ingkar yang tidak teratur boleh diketepikan secara *ex debito justitiae* tetapi jika teratur defendan perlu menunjukkan I

bahawa mereka mempunyai pembelaan *prima facie* atas merit. Keputusan Majistret bahawa penghakiman ingkar yang dimasukkan adalah teratur dan seterusnya mendapati defendan gagal menunjukkan suatu pembelaan bermerit adalah tepat. (perenggan 12)

(3) Defendan tidak pernah memohon di Hong Kong untuk mengetepikan, membatalkan mahupun merayu terhadap penghakiman yang diperoleh di Hong Kong oleh plaintif. Prinsip bagi pembelaan berdasarkan penghakiman yang diperoleh dari negara asing telah digariskan di dalam kes *See Hua Daily News Bhd v. Tan Thien Chin & Ors*. Walau bagaimanapun, defendan telah gagal mengemukakan mana-mana elemen yang disenaraikan di dalam kes itu dan hanya cuba mencabar penghakiman luar negara tersebut pada meritnya sahaja. Dengan itu, keputusan Majistret bahawa defendan tidak mempunyai pembelaan *bona fide* bermerit adalah tepat. (perenggan 15-17)

Kes-kes yang dirujuk:

Aster Properties Sdn Bhd v. Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan Sdn Bhd [2003] 4 CLJ 158 HC ***(dirujuk)***

Evans v. Bartlam [1937] AC 473 ***(dirujuk)***

Fauziah Idris v. Advance Finance Berhad [2009] 1 LNS 1106 HC ***(dirujuk)***

Kandiah Peter v. Public Bank Bhd [1993] 4 CLJ 332 SC ***(dirujuk)***

Kwong Yik Bank v. Loh Keo @ Leoh Lim Teng [1993] 1 LNS 221 HC ***(dirujuk)***

Ngan Chin Wen v. Panin International Credit (S) Pte Ltd [2003] 3 CLJ 569 CA ***(dirujuk)***

Pengkalen Concrete Sdn Bhd v. Chow Mooi & Anor [2003] 6 CLJ 326 HC ***(dirujuk)***

See Hua Daily News Bhd v. Tan Thien Chin & Ors [1985] 1 LNS 131 SC ***(diikuti)***

Perundangan yang dirujuk:

Rules of the High Court 1980, O. 26A

Bagi pihak perayu - YS Koo; T/n Shearn Delamore & Co
Bagi pihak responden - Shane Cheng; T/n Jeff Leong, Poon & Wong

Dilaporkan oleh S Barathi

PENGHAKIMAN

Ahmad Nasfy Yasin PK:

Rayuan

[1] Ini adalah rayuan oleh perayu/Revertex (Malaysia) Sdn Bhd ("defendant") ke atas Keputusan Tuan Majistret yang menolak permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar bertarikh 6 September 2010 pada 29 November 2010.

[2] Dalam perbicaraan rayuan, saya memutuskan bahawa rayuan defendan tidak bermerit dan menolak rayuan tersebut dengan kos. Defendan tidak berpuashati dan memfailkan rayuan ke Mahkamah Rayuan.

Latar Belakang Fakta

[3] Suatu penghakiman ingkar telah direkodkan dihadapan Majistret Mahkamah Majistret Kluang pada 6 September 2010.

[4] Pada 13 September 2010, defendan telah memfailkan permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar di lampiran 6.

[5] Perbicaraan bagi permohonan tersebut telah diadakan pada 25 Oktober 2010 dan Tuan Majistret memberi keputusan menolak permohonan tersebut pada 29 November 2010.

[6] Secara ringkas, penghakiman ingkar dimasukkan terhadap defendan kerana kegagalan peguam defendan hadir. Menurut afidavit defendan bertarikh 9 September 2010, kegagalan hadir adalah tidak disengajakan kerana mereka tidak diberitahu mengenai tarikh tersebut.

[7] Pihak plaintif mengatakan bahawa mereka tidak pernah bersetuju untuk menyebut bagi pihak defendan tetapi telahpun memaklumkan tarikh tersebut kepada peguam pihak defendan melalui telefon. Tambahan pula Encik Jeffrey Wong yang mengendalikan kes ini bagi pihak defendan telah hadir pada tarikh sebutan dan perbicaraan lain sudah tentu sedar akan tarikh sebutan kes ini. Kegagalan komunikasi dalaman di firma peguam defendan apabila Encik Jeffrey Wong memindahkan failnya kepada peguam defendan yang lain bukanlah dalam kawalan pihak plaintif. Selain itu terdapat juga beberapa tarikh sebutan seperti 1 Mac

2010, 12 April 2010, 7 Jun 2010 dan 26 Jun 2010 di mana peguam defendan boleh mendapatkan arahan/tarikh lanjut daripada mahkamah tetapi gagal berbuat demikian (rujuk afidavit plaintif ms. 44 Rekod Rayuan). Hal ini tidak dicabar oleh peguam defendan dalam afidavitnya. Oleh itu dalam apa jua keadaan, adalah menjadi tanggungjawab peguam yang mengendalikan kes untuk mendapatkan tarikh-tarikh dan maklumat terkini mengenai kes secara sendiri ataupun melalui peguam lain untuk menyebut bagi pihak mereka dan bukan bergantung kepada pihak lain sahaja.

Undang-undang

[8] Adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap bahawa penghakiman ingkar yang tidak teratur (irregular) boleh diketepikan secara *ex debito justitiae* tetapi jika teratur (regular) defendan perlu menunjukkan mereka mempunyai pembelaan *prima facie* pada merit. (Rujuk kes *Evans v. Bartlam* [1937] AC 473.

Dalam kes *Pengkalen Concrete Sdn Bhd v. Chow Mooi & Anor* [2003] 6 CLJ 326 diputuskan:

> The presiding court before so doing ... must have some good reason and that there is a defence on the merits adduced before the court ... The supposed good reason given by the defendants, as I scrutinised the evidence was that they were unaware of the case being called up in court on 9 April 2001, founded on the abovementioned reason of non-service of the writs. Factually, even if I were to submit to those evidential assertions, by 6 April 2001 they were already in Malaysia, three days before their cases were called up in court. As I was satisfied that good service had taken place, this part of the ingredient ie, 'good reason' had fallen flat.

Isu-isu

[9] Isu-isu yang berbangkit adalah seperti berikut:

(i) Sama ada majistret "*functus officio*" apabila telah menolak permohonan plaintif untuk penghakiman terus dibawah A. 26A Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 ("KMR 1980").

(ii) Sama ada defendan berjaya menunjukkan pembelaan *prima facie* bermerit.

Pandangan Dan Keputusan Mahkamah

[10] Peguam pihak defendan berhujah bahawa akibat keputusan majistret menolak permohonan plaintif untuk penghakiman terus dibawah A. 26A KMR 1980 maka majistret telah "*functus officio*" dan menjadikan kes ini tidak boleh didengar lagi atas alasan "*res judicata*".

[11] Saya tidak dapat bersetuju dengan hujahan peguam pihak defendan kerana kes ini belum didengar oleh mana-mana majistret secara lengkap atau secara muktamad dan tiada apa-apa keputusan akhir diberikan oleh mahkamah. Oleh itu "*functus officio*" tidak terpakai. Saya juga berpendapat bahawa majistret tidak terikat dibawah prinsip "*res judicata*" dari mendengar dan menghakimi permohonan mengetepikan penghakiman ingkar atas alasan presiding permohonan penghakiman terus bukanlah membawa kepada suatu penghakiman muktamad (rujuk kes *Kandiah Peter v. Public Bank Bhd* [1993] 4 CLJ 332; *Fauziah Idris v. Advance Finance Berhad* [2009] 1 LNS 1106).

Di dalam kes *Aster Properties Sdn Bhd v. Pusat Teknologi dan Pengurusan Lanjutan Sdn Bhd* [2003] 4 CLJ 158 Azmel J, memutuskan:

> Firstly, it was not specifically stated either by the SAR or by the Judge that the setting aside of the Default order was due to the existence of triable issued raised by the Defendant. This is because the SAR had not written her grounds of judgment. Neither did the Judge as there was no appeal against the order of the Judge. The determination of the judgment of the SAR as we as the Judge becomes very essential due to the fact that in an application for setting aside a default judgment, the principles to be applied are:
>
> (i) If the Default Judgment was not in conformity with procedure, then it may be set aside *ex debito justitiae*;
>
> (ii) If the Default Judgment is in conformity with procedure, then may be set aside if the Defendant can show that it is merits in its defence.
>
> On the other hand in an application for a summary judgment the Plaintiff must show that the Defendant has no *bona fide* Defence. In the other words the Defendant could not raise any triable issues.
>
> Setting aside a default judgment and a summary judgment under O. 14 are two completely different applications.

Selanjutnya dalam kes *Kwong Yik Bank v. Loh Keo* [1993] 1 LNS 221, Siti Norma Yaakob H memutuskan:

> Under those circumstances, it is very clear that issue estoppel does not arise at all as there was no ruling made on the merits of the case by the Senior Assistant Registrar and that the order *per se*, setting aside the Judgment in Default in the earlier suit, does not in itself give rise to *res judicata*. The essence of *res judicata* is the finality in a case or matter which had already been adjudicated on and which cannot be reheard again.

[12] Berdasarkan nas-nas di atas saya menolak hujahan peguam pihak defendan dan berpendapat bahawa keputusan majistret adalah tepat apabila memutuskan penghakiman ingkar yang dimasukkan adalah teratur dan seterusnya mendapati defendan gagal menunjukkan suatu pembelaan bermerit.

Isu ii

[13] Persoalan utama yang harus dipertimbangkan dalam rayuan ini adalah sama ada defendan mempunyai pembelaan *bona fide* bermerit.

[14] Secara ringkas, plaintif dalam kes ini telah memperolehi penghakiman ingkar terhadap defendan daripada Mahkamah di Hong Kong (District Court of the Hong Kong Special Administrative Region) pada 15 Julai 2007 dan memulakan guaman di Mahkamah Majistret Kluang untuk menguatkuasakan penghakiman tersebut memandangkan alamat berdaftar dan alamat perniagaan defendan adalah di Kluang. Sehingga kini defendan tidak pernah memohon di Hong Kong untuk mengetepikan, membatalkan mahupun merayu ke atas penghakiman tersebut.

[15] Prinsip yang terpakai untuk defendan mengemukakan pembelaan berdasarkan tindakan penghakiman yang diperolehi dari negara asing telah digariskan dalam kes *See Hua Daily News Bhd v. Tan Thien Chin & Ors* [1985] 1 LNS 131 iaitu:

a. that the foreign court had no jurisdiction;

b. that the judgment was obtained by fraud;

c. that the judgment would be contrary to public policy; and

d. that the proceedings in which the judgment was obtained were opposed to natural justice.

[16] Saya dapati defendan telah gagal mengemukakan mana-mana elemen di atas dalam pembelaannya, sebaliknya hanya cuba mencabar penghakiman luar negara tersebut pada meritnya sahaja.

Dalam kes *Ngan Chin Wen v. Panin International Credit (S) Pte Ltd* [2003] 3 CLJ 569, Mahkamah Rayuan memutuskan:

> The irregularity and consequent invalidity of a foreign judgment is not specified in the Act as a ground for setting aside the registration of the foreign judgment, I was of the view that the reason for that is because the courts of the one country should not adjudicate on the judgment of the courts of another country. If you have grounds to invalidate a foreign judgment, you must apply to the original court to set aside the judgment or you must appeal to the appellate court of the country of the original court.

Kesimpulan

[17] Sebagai rumusan keputusan majistret mendapati bahawa defendan tidak mempunyai pembelaan *bona fide* bermerit adalah tepat. Justeru rayuan defendan ditolak dengan kos.